

23/05/1999

Terima kasih pekerja (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berterima kasih kepada pekerja yang menjadi majoriti rakyat negara ini, kerana mengamalkan sikap bertanggungjawab dan tenang menghadapi kegawatan ekonomi.

"Mereka sanggup menderita dan menyokong usaha kerajaan kerana ingin melihat negara terus bebas daripada dijajah semula," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir bersyukur kerana pekerja tidak merusuh, tidak merosakkan kedudukan ekonomi negara dan tidak mengambil tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Sehubungan itu, Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus bekerjasama dengan pekerja dan majikan.

"Kita saling bergantung antara satu sama lain, kita tidak boleh wujud bersendirian. Tidak akan ada majikan jika tidak ada pekerja, begitu juga sebaliknya dan kedua-duanya tidak mungkin ada jika tidak ada kerajaan.

"Kerajaan boleh diadakan di mana-mana saja, tetapi kerajaan tanpa pekerja, tanpa majikan akan menjadi kerajaan yang kosong, yang tidak boleh buat apa-apa.

"Oleh itu kita perlu bersatu, kita harus jayakan bersama. Kita ingin merapatkan hubungan antara ketiga-tiga pihak dan hanya apabila perhubungan itu berjaya barulah kita akan mendapat faedah dan nikmatnya," katanya pada majlis Perhimpunan Perpaduan Hari Pekerja 1999 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini, semalam.

Majlis itu dihadiri kira-kira 10,000 wakil pekerja sektor swasta dan kerajaan. Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek; Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak dan Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam.

Dr Mahathir juga mengingatkan pentingnya pekerja, majikan dan kerajaan mengekalkan kerjasama erat bagi menangkis serangan kapitalis baru yang kini cuba menguasai dunia.

Perdana Menteri menegaskan sebarang perpecahan atau keretakan antara ketiga-tiga pihak akan hanya membahayakan kedudukan Malaysia yang menjadi antara negara sasaran golongan berkenaan.

"Kerjasama ketiga-tiga pihak memberi keuntungan kepada kerajaan, majikan dan pekerja. Melalui cara itu, kerajaan dapat mengutip lebih banyak cukai daripada majikan dan wang itu dapat digunakan untuk kebaikan rakyat, terutama golongan termiskin," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sentiasa memikirkan nasib rakyat dan berusaha memberi peluang yang lebih besar untuk pekerja menikmati gaji lebih lumayan.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, Malaysia sebenarnya tidak menghadapi masalah pengangguran kerana berdasarkan perangkaan, kadar pengangguran negara hanya kurang daripada dua peratus.

Mengenai golongan kapitalis baru, Dr Mahathir berkata, pihak berkenaan sedang berusaha kononnya untuk mendisiplinkan kerajaan negara yang lemah dengan menentukan siapa yang harus memerintah dan dasar yang perlu dituruti untuk keuntungan mereka.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan golongan itu akan cuba menggugat lagi ekonomi negara selepas menyerang mata wang dan pasaran saham untuk menggagalkan usaha kerajaan memajukan negara.

"Kita akan memasuki abad ke-21 dan banyak cabaran akan kita hadapi terutama dari negara maju yang tidak ingin melihat negara membangun seperti Malaysia, mencapai kemajuan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, golongan kapitalis mengadakan pelbagai cara untuk menyekat Malaysia mengeluarkan barangan yang mampu bersaing dengan barangan mereka di pasaran dunia.

"Dahulu semua barangan pembuatan diimport dari negara mereka, tetapi kini Malaysia mengeluarkan barang itu dan mengeksport ke negara mereka pula.

"Mereka tidak senang hati kerana ini bermakna mereka tidak dapat hidup mewah disebabkan barangan negara ini boleh menewaskan barangan mereka," katanya.

Justeru, Perdana Menteri meminta rakyat terus mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara dalam usaha untuk menangkis serangan golongan itu.

Perdana Menteri mengulangi pendirian Malaysia yang tetap tidak akan memohon sebarang bantuan daripada golongan kapitalis kerana terbukti beberapa negara yang menerima bantuan antarabangsa, kini menghadapi cengkaman berbentuk penjajahan ala baru.

(END)